



KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE UNTUK MAKLUMAN :

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PUP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

20 JUN 2022 (ISNIN)



**KERATAN AKHBAR
DAN MEDIA ONLINE
(KPDNHEP)**

20 JUN 2022 (ISNIN)

Harga ayam tidak terkawal

Oleh ARIF AIMAN ASROL
utusannews@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Harga ayam semakin tidak terkawal apabila mula dijual dari RM10.40 sehingga RM11.50 sekilogram, sekali gus melepas had siling RM8.90 yang ditetapkan.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, sumber industri berkata, kebanyakan pemain industri tidak mengambil peduli tentang harga barang makanan itu walaupun ia adalah barang kawalan.

Katanya, harga ayam naik melebihi kadar siling ditetapkan, malah 'semakin mengarut'.

Malah, tinjauan *Utusan Malaysia* juga mendapati peniaga tidak lagi mengendahkan pematuhan harga, sebaliknya bertindak menaikkannya sesuka hati.

"Daripada peringkat ladang, pembekal memperoleh ayam hidup dengan harga RM0.80 hingga RM1.50 untuk sekilogram iaitu peningkatan 20 peratus daripada harga ditetapkan.

"Harga sekarang pun memang sekarang dah naik tanpa mengikut harga kawalan. Rata-rata peniaga di pasar pun sudah menjual dengan harga RM10.40 hingga RM11.50 sekilogram.

"Tak perlu tunggu 1 Julai ini sebab subsidi untuk pentemak pun memang ramai yang tidak dapat, apa mereka dapat hanya bonus sahaja," katanya ketika dihubungi di sini semalam.

Terdahulu, akbar ini melaporkan, isu kenaikan harga ayam kembali hangat apabila pemain gergasi industri tersebut akan menaikkan harga ternakan itu di pasaran bermula Julai ini.

Bersambung di muka 3

Harga ayam tidak terkawal

Dari muka 1

Terdahulu, akbar ini melaporkan, isu kenaikan harga ayam kembali hangat apabila pemain-pemain gergasi industri tersebut mengumumkan akan menaikkan harga ternakan itu di pasaran bermula Julai ini.

Ia sekali gus membuktikan industri itu masih dikuasai pihak swasta dan kerajaan seolah-olah tidak mempunyai sebarang kuasa untuk menstabilkan harga demi kepentingan pengguna.

Pengarah Nafas Food Processing and Marketing Sdn. Bhd., Shafiqurrahman Sham-suddin berkata, bukti bahawa

industri ayam masih dalam cengkaman pihak swasta jelas dilihat melalui sikap ‘besar kepala’ pemain gergasi industri ayam yang baru-baru ini secara terbuka mengumumkan bahawa mereka perlu menaikkan harga ayam bermula Julai susulan berakhirnya skim harga runcit maksimum.

Sebelum ini kerajaan memperuntukkan RM720 juta kepada penternak ayam bagi memastikan harga ternakan itu kekal rendah dan mampu dibeli sebahagian besar rakyat, bagaimanapun ia gagal mengekang kenaikan harga barang makanan yang paling popular di negara ini.

Selain itu, mulai 1 Julai

ini kerajaan juga akan menghentikan pemberian subsidi kepada penternak ayam, sebaliknya menyalurkan wang berkenaan kepada golongan B40.

Malah, Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob sebelum ini juga mengumumkan penglibatan Pertubuhan Pelandang Kebangsaan (Nafas) dan Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Bhd. (Angkasa) dalam keseluruhan ekosistem industri ayam sebagai usaha kerajaan menjamin sekuriti makanan negara.

Langkah kedua-dua pertubuhan yang masing-masing mempunyai seramai sejuta dan tujuh juta ahli melalui 14,835

koperasi diyakini berupaya membantu kerajaan menangani masalah kenaikan harga ayam dan bekalan makanan.

Dalam pada itu, sumber terbabit menambah, pelbagai alasan akan dikemukakan bagi ‘menghalalkan’ tindakan mereka untuk menaikkan harga ayam di dalam pasaran.

“Pelbagai alasan pasti diberi, antaranya pasti mengenai subsidi, masalah dedak ayam, kekurangan pekerja, anak ayam sakit dan sebagainya lagi.

“Harga akan meningkat hingga mencapai sasaran mereka iaitu ayam akan dijual dengan harga RM12 untuk sekilogram. Jika seekor mampu mencecah RM24,” jelasnya.

Pihak berkuasa masih boleh bertindak terhadap peniaga kaut untung berlebihan

Jangan berlebihan naikkan harga ayam

Oleh MOHD. YUNUS YAKKUB

SHAH ALAM – Para peniaga masih boleh dikenakan tindakan di bawah Akta Kawalan Harga dan AntiPencatutan (AKHAP) 2011 sekiranya didapati mengait keuntungan berlebihan meskipun harga ayam diapungkan bulan depan.

Pengarah Penguat Kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Azman Adam berkata, apabila harga diapungkan bererti kedudukan harga akan berdasarkan kepada bekalan dan penawaran.

Katanya, pihaknya percaya kerajaan mempunyai mekanisme untuk membantu golongan terkesan.

"Walaupun tidak wujud lagi harga siling ayam, namun KP DNHEP masih lagi mempunyai kuasa di bawah AKHAP untuk menyiasat sekiranya berlaku elemen pencatutan.

"Kalau kenaikan itu tidak munasabah, kita masih ada kuasa



SKIM harga maksimum runcit ayam akan berakhir pada 30 Jun ini.

untuk gerasat dan mengambil tindakan serta mengenakan huku-

man sekiranya harga dikenakan oleh peniaga tersebut melebihi

kadar dibenarkan mengikut akta itu," katanya di sini baru-baru ini.

Beliau berkata demikian bagi mengulas harga ayam dijangka naik bulan depan apabila ia dia pangkan ekoran berakhirnya skim harga maksimum runcit ayam pada 30 Jun ini.

Ketika ini, harga maksimum runcit ayam bulat standard adalah pada RM8.90 sekilogram dan ayam bulat super (disembelih dan dibersihkan tanpa kaki, kepala, hati dan hempedal) pada RM9.90 sekilogram.

Ketika ditanya mengenai kadar harga tidak munasabah, Azman menjelaskan pihaknya mempunyai formula tertentu dalam memastikan tiada mana-mana pihak mengambil kesempatan terhadap pengapungan harga ayam itu.

"Contohnya, kalau dahulu keuntungannya sekilogram adalah RM1.50. Sekarang ini, apabila harga dibebaskan (apungkan), peniaga ambil untung RM3 sekilogram. Itu pencatutan.

"Konsep dan formulanya (dalam kesan peniaga yang mengait untung berlebihan)," jelasnya.

HARI : ISNIN
TARIKH : 20/06/2022
M/SURAT : 16

Senarai Harga Barang Keperluan					
Ayam	RM8.89	Telur Gred A	RM12.45	Gula Pasir	RM2.75
Daging Lembu Tempatan	RM36	Ikan Kembung	RM11.90	Bawang Besar Holland	RM2.50
Daging Lembu Import	RM28	Minyak Masak	RM6.50	Bawang Putih	RM5
				Cili Merah	RM12
				Kubis Bulat Tempatan	RM3.20
				Tepung Gandum	RM2.30

*Harga (RM/kg) Sumber: KPDNHEP

HARI : ISNIN
TARIKH : 20/06/2022
M/SURAT : 1



UMUM MENGELOH, PERSATUAN PENGGUNA MAHU PENJELASAN

Caj potong ayam RM1!

Oleh Ekhwan Haque
Fazlul Haque
ekhwan@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Margin untung yang sangat rendah memaksa sesetengah peniaga mengenakan caj tambahan potong ayam antara 60 sen dan RM1 namun ia dianggap membebankan pengguna.

Pengerusi Biro Keusahawanan dan Sosioekonomi Persatuan Pengguna Melayu Malaysia, Mohd Afiq Salim berkata, peniaga perlu memberikan penjelasan lanjut mengenai caj tambahan itu agar tidak timbul kekeliruan dalam kalangan pembeli.

Menurutnya, keadaan ini mungkin disebabkan margin untung yang terlalu kecil dan adakalanya merugikan mereka susulan penetapan harga siling ayam RM8.90 untuk sekilogram.

Katanya, tidak dinafikan



ORANG ramai membeli ayam segar di Pasar Chabang Tiga, Kuala Terengganu. - Gambar NSTP/GHAZALI KORI

tindakan itu membebangkan pengguna namun ayam kini menjadi pilihan utama susulan kenaikan melampau harga ikan sejak kebelakangan ini.

"Peniaga perlu jelaskan kepada pengguna punca caj potong ayam terpaksa dikenakan agar tidak timbul

salah faham di antara mereka.

"Keadaan itu hanya berlaku sejak kebelakangan ini kerana peniaga terdesak untuk cover harga ayam mentah yang diambil dari ladang yang sudah melebihi harga siling atau rendah beberapa sen daripada harga ditetap-

kan kerajaan.

"Pengguna juga harus lebih bijak memilih dan mengelak membeli ayam daripada peniaga yang mengenakan caj potong melampau," katanya ketika dihubungi, semalam.

Beliau berkata, kemelut itu sudah berlanjutan sejak

beberapa bulan lalu dan dibimbangi ada peniaga yang sengaja meletakkan caj tidak munasabah jika tidak dikawal kerajaan.

Menurutnya, polemik harga ayam itu perlu ditangani dengan seluruh rantai pembekalan dan penjualan dicadangkan dipanggil Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (Mafii) serta Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) bagi mencari penyelesaian jangka pendek dan panjang.

"Kini semua pihak menuing jari antara satu sama lain namun yang tersepit adalah pengguna kerana tiada pilihan lain untuk mendapatkan bekalan bahan mentah itu.

"Penternak juga pemain utama industri pembekalan ayam perlu dipanggil supaya penjelasan lanjut diberikan kerana akhirnya pembeli serta pengguna tidak tersepit," katanya.

'Peniaga digesa perjelas isu caj potong ayam'

Kuala Lumpur: Margin untung yang sangat rendah memaksa se-setengah peniaga ayam mengenakan 'caj potong' antara 60 sen hingga RM1, namun ia dianggap membebankan pengguna di sebalik kenaikan kos sara hidup.

Pengerusi Biro Keusahawanan dan Sosioekonomi, Persatuan Pengguna Melayu Malaysia (PPMM), Mohd Afiq Salim, berkata peniaga perlu memberikan penjelasan lanjut mengenai caj tambahan itu supaya tidak timbul kekeliruan dalam kalangan pembeli.

Beliau berkata, keadaan itu mungkin disebabkan margin untung yang terlalu kecil ada kalananya merugikan mereka susulan penetapan harga siling ayam RM8.90 untuk sekilogram.

Katanya, tidak dinafikan tindakan itu membebangkan pengguna, namun ayam kini menjadi pilihan utama susulan kenaikan melampau harga ikan sejak kebelakangan ini.

"Peniaga perlu jelaskan kepada pengguna punca caj potong ayam terpaksa dikenakan supaya tidak timbul salah faham."

"Keadaan ini hanya berlaku sejak kebelakangan ini kerana peniaga terdesak untuk cover harga ayam mentah yang diambil dari ladang yang sudah melebihi harga siling atau rendah beberapa sen daripada harga ditetapkan kerajaan."

"Pengguna juga harus lebih bijak memilih dan mengelak membeli ayam daripada peniaga yang mengenakan caj potong melampau," katanya ketika dihubungi semalam.

Mohd Afiq berkata, kemelut isu itu sudah berlanjutan sejak beberapa bulan lalu dan dibimbingi ada peniaga yang sengaja meletakkan caj tidak munasabah jika tidak dikawal kerajaan.

"Polemik harga ayam perlu ditangani dengan seluruh rantaian pembekalan dan penjualan di panggil Kementerian Pertanian

dan Industri Makanan (MAFI) serta Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) bagi mencari penyelesaian jangka pendek dan panjang.

"Kini semua pihak menudung jari antara satu sama lain, namun yang tersepit pengguna kerana tiada pilihan lain untuk mendapatkan bekalan bahan mentah itu."

"Penernak dan pemain utama industri pembekalan ayam perlu dipanggil supaya penjelasan lanjut diberikan kerana akhirnya pembeli serta pengguna tidak tersepit," katanya.

Sejak kebelakangan ini, ada di antara peniaga ayam yang mengenakan caj potong untuk ayam antara 60 sen hingga RM1 untuk seekor ayam.

Keadaan itu dikatakan berpunca daripada harga siling ayam yang dikatakan terlalu rendah untuk peniaga kerana kos ayam mentah yang diterima daripada

● Penternak dan pemain utama industri pembekalan ayam perlu dipanggil supaya penjelasan lanjut diberikan kerana akhirnya pembeli serta pengguna tidak tersepit

Mohd Afiq Salim,
Pengerusi Biro
Keusahawanan dan
Sosioekonomi PPMM



penternak juga tinggi.

Peniaga mendakwa, hanya memperoleh 50 sen bagi seekor ayam yang dikatakan tidak mampu menampung kos jualan dan pekerja.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi sebelum ini dilaporkan berkata, kementeriannya akan memantau aduan mengenai caj tambahan upah memotong ayam.

'SMALL QUANTITIES'

No chicken supply shortage in Wakaf Baru, say traders

TUMPAT: There is no shortage of chicken at the Wakaf Baru wet market, traders here insisted.

Instead, they claimed to be buying the birds in smaller quantities due to the high prices set by suppliers.

"Sometimes consumers will find there is no chicken being sold here and it is not due to a shortage," said one of the traders, Mohd Ghazali Ishak.

"We can only buy them in small quantities from the suppliers because we cannot afford to buy more. Furthermore, we only make a little profit from the sales," said the 59-year-old father of seven, who has been selling chicken at the market for more than five years.

Another chicken seller, who wanted to be known only as Lily, said because of this, she could sell fewer than 10 chick-



A chicken seller speaking to an enforcement officer at the Wakaf Baru wet market in Tumpat yesterday. PIC BY SHARIFAH MAHSINAH ABDULLAH

ens in a day.

"I do not mind getting lower profit because my main concern now is for my business to stay afloat."

"I will try my best to ensure customers, especially in Wakaf Baru, can get the birds for the upcoming (Hari Raya Aidiladha) celebration," said the 33-year-old.

The two were among 15 chicken traders operating at the market.

Chicken traders at the Wakaf Baru wet market also gave their assurance that there would be enough supply for Hari Raya Aidiladha.

Many admitted they were caught in a difficult situation when suppliers raised the prices recently and they had to sell the

birds based on the government's ceiling price.

Checks showed that the majority of the traders here adhered to the ceiling price set by the government.

Several enforcement officers were seen conducting spot checks on the prices of chicken and other fresh produce.

It was reported that the Nation-

al Farmers' Organisation had begun importing whole chickens from poultry producers with the first stockpile of 21 metric tonnes arriving on Saturday.

The Farmers' Organisation Board, in a statement, said the supply was imported from poultry producers that had obtained approval from the Veterinary Services Department.

HARI : ISNIN
TARIKH : 20/06/2022
M/SURAT : 6



RATE CHECKS ... Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry enforcement director Azman Adam (second from right) inspecting prices of daily necessities in Bukit Mertajam, Penang, yesterday. - **BERNAMAPIX**

Agensi tawar badal haji palsu akan disenarai hitam

Oleh Ahmad Suhael Adnan
ahmad.suhael@bh.com.my

Kuala Lumpur: Agensi pelancongan, haji dan umrah yang menawarkan perkhidmatan badal haji palsu atau mengelurkan boleh disenarai hitam sekiranya didapati bersalah melanggar syarat perkhidmatan.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi, berkata pengguna yang diperdaya agensi terbabit juga boleh memfaikkan tuntutan terhadap agensi itu menerusi

Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (TTPM).

Selain TPM, katanya, pengguna juga boleh membuat laporan kepada Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) di bawah Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC).

"Pengguna yang mendapati operator perkhidmatan haji atau umrah telah melanggar syarat perkhidmatan yang ditetapkan, boleh memfaikkan tuntutan tebus rugi terhadap operator itu sama ada kepada TPM di bawah KPDNHEP, atau kepada JAWHAR di

bawah MOTAC.

"Sekiranya mana-mana operator haji atau umrah didapati melanggar syarat kontrak mereka terhadap pengguna berkenaan, TPM akan mengeluarkan 'award' atau bayaran ganti rugi.

"TPM kemudian akan maklumkan kepada MOTAC untuk tindakan selanjutnya, iaitu menyenaraikan operator yang telah melanggar syarat lesen operasi mereka," katanya kepada BH, semalam.

Nasional 2

• Sekiranya mana-mana operator haji atau umrah didapati melanggar syarat kontrak mereka terhadap pengguna berkenaan, TPM akan mengeluarkan 'award' atau bayaran ganti rugi

Datuk Seri Alexander Nanta Linggi, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna



KPDNHEP ada kuasa siasat jika terdapat aduan

Dari Muka I

Beliau mengulas laporan muka depan *BH* semalam berhubung beberapa agensi haji dan umrah yang menawarkan khidmat mengerjakan badal haji musim ini dengan pelbagai pakej dan bayaran murah antara RM1,700 hingga RM3,000 seorang.

Tawaran harga itu dilihat meragukan serta tidak sepadan disebabkan beberapa peraturan ketat ditetapkan kerajaan Arab Saudi untuk umrah dan haji.

Ini berikutan untuk mengupah penduduk bermastautin di Arab Saudi melakukan ibadah itu, mereka perlu mempunyai permit untuk memasuki Arafah dengan bayaran SR12,000 (RM14,000) seorang berbanding sebelum ini SR2,500 (RM2,900) saja.

Selain itu, terdapat gelang khas yang perlu dipakai jemaah haji untuk melepas pintu di Arafah bagi mengelakkan lambakan jemaah haji di situ.

Badal haji bermaksud ibadah

haji yang diupahkan kepada seseorang untuk dilaksanakan sebagai ganti kerana halangan tertentu seperti sakit, usia tua (uzur) atau kematian ke atas orang yang seharusnya mengerjakan haji.

Orang yang melaksanakan haji badal pula disyaratkan sudah melaksanakan haji untuk dirinya terlebih dahulu.

Mengulas lanjut, Alexander memaklumkan, KPDNHEP mempunyai kuasa menyiasat jika terdapat aduan berkaitan urusan perkhidmatan badal haji mengikut Akta Perihal Dagangan 2011 dan Akta Perlindungan Pengguna 1999.

"Fokus siasatan mengikut bidang kuasa KPDNHEP termasuk penipuan perkhidmatan, pernyataan palsu atau yang mengelirukan berhubung perkhidmatan berkenaan dan pernyataan palsu atau yang mengelirukan dalam iklan dikeluarkan," katanya.

Siasatan wartawan *BH* dengan menghubungi beberapa agensi yang menawarkan khidmat itu di sekitar ibu negara mendapati,

mereka menawarkan pelbagai pakej serta potongan harga untuk menarik orang ramai.

Pakej itu termasuk upah haji, upah umrah, korban di Makkah, air Zam Zam percuma, wakaf al-Quran selain diberikan sijil.

Ada agensi yang menawarkan potong harga di antara RM500 hingga RM700 bagi 100 pelanggan terawal mendaftar.

April lalu, Arab Saudi menetapkan kuota haji bagi tahun ini (musim 2022) adalah satu juta yang mana 85 peratus daripadanya dibuka untuk jemaah luar.

Berikutnya penetapan itu, kuota haji Malaysia tahun 2022 hanya seramai 14,306 jemaah iaitu 45 peratus daripada kuota tahunan yang biasa diterima.

Mufti Pulau Pinang, Datuk Seri Dr Wan Salim Wan Mohd Noor, dilaporkan berkata jumlah kuota ditetapkan Arab Saudi untuk jemaah haji Malaysia boleh dianggap sebagai satu faktor penghalang untuk seseorang melaksanakan badal haji di Tanah Suci.

Ceiling price relooked

Study underway on whether to raise the cost of sugar

PETALING JAYA: A study is underway on whether to raise the ceiling price of sugar.

Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry secretary-general Datuk Azman Mohd Yusof said a report was expected to be tabled in the Cabinet after consultation with various stakeholders within the year.

"The decision on whether or not to raise the price of sugar will be made by the Cabinet," he said when contacted.

Currently, the domestic wholesale refined sugar price is capped at RM2.69 per kg.

Sugar industry players including MSM Malaysia Holdings Bhd have urged the government to review the ceiling price of sugar amid rising raw material and freight costs.

On June 8, MSM group chief executive officer Syed Feizal Syed Mohammad was quoted as saying that the commodity had seen only a net increase of one sen per kg since 2011.

Ministry enforcement director Azman Adam said sugar producers had requested the government to raise the ceiling price.

"The government has yet to decide," he said.

Consumers Association of Penang president Mohideen Abdul Kader said the government must ensure that the proposed sugar price increase was reasonable to eliminate profiteering.

"Any suggestion for sugar subsidy must not be entertained," he added.

He urged the government to also consider increasing the sugar tax on Sugar-Sweetened Beverages (SSB) introduced in 2019.

This would be further reason for the people to cut sugar intake, he said.

"We advise consumers to reduce their sugar intake, eat more home-cooked nutritious food, and wherever possible, try to grow your own vegetables," he added.

Consumers, he said, should refrain from drinking sugary drinks or food that was detrimental to health as statistics in 2019 showed that there were 3.9 million diabetic Malaysians.

Nutrition Society of Malaysia president Dr Tee E Siong said it was only through a holistic healthy diet approach – which



Sweet talks: Sugar industry players are engaging the government to review the ceiling price of sugar amid rising raw material and freight costs. — FAIHAN GHANI/The Star

"The decision on whether or not to raise the price of sugar will be made by the Cabinet."

Datuk Azman Mohd Yusof

includes the concept of balance, moderation and variety – that Malaysians could lead healthier lives.

"Consumers should be aware of the undesirable effects of consuming food and bever-

ages with excessive amounts of sugar. Such self-awareness should prompt them to use less sugar in their food and beverages, instead of having to rely on price increases to dictate their consumption," he said when contacted.

While sugar per se does not cause diabetes, Dr Tee said excessive sugar intake was undesirable as it would add on calories to a person's diet and not contribute any nutrients.

"Long-term overconsumption of calories will add on to our body weight.

"This in turn increases the risk of several diet-related chronic diseases like diabetes, coronary heart disease and cancer," he said.

Sugar is a controlled item under the Control of Supplies Act 1961.

Sugar consumption per capita reached 42.4 kg in 2019 in Malaysia, according to statistics of the Food and Agriculture Organisation of the United Nations.